

Bahagian B

Jawab **semua** soalan.

1. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul berkaitan dengan masyarakat Arab sebelum kedatangan agama Islam.

Laut Arab	petempatan	Makkah	timur	Taif
Zaman Jahiliah	jahala	cara hidup	petunjuk	Empangan Maarib

Sebelum kedatangan Islam, masyarakat Arab mempunyai (a) _____ dan (b) _____ yang berbeza dari segi pemerintahan, ekonomi dan sosial. Mereka tinggal di kawasan Semenanjung Tanah Arab yang dikelilingi oleh padang pasir Syam di sebelah utara, (c) _____ di selatan, Teluk Parsi di (d) _____ dan Laut Merah di barat. Di kawasan tengah atau wilayah Hijaz terdapat tiga ibu kota penting, iaitu (e) _____, Madinah dan Taif. Selepas keruntuhan (f) _____ sekitar tahun 300 M berlaku kemerosotan ekonomi dalam masyarakat Arab. Pada masa itu, masyarakat Arab mengalami zaman kegelapan yang dikenali (g) _____. Jahiliah berasal daripada perkataan Arab, *jahala* yang bermaksud jahil. Mereka tidak mempunyai nabi dan kitab suci sebagai (h) _____.

2. Tulis **BETUL** bagi pernyataan yang tepat dan **SALAH** bagi pernyataan yang tidak tepat berkaitan dengan sistem masyarakat jahiliah tentang politik dan ekonomi.

(a) Kaum Hadhari tinggal di luar bandar, manakala kaum Badwi tinggal di kota serta menjalankan perniagaan dan memiliki binatang ternakan.

(b) Kaum Badwi menjalani hidup secara nomad.

(c) Kedua-dua kaum ini mengamalkan hidup secara kabilah yang diketuai oleh seorang syekh.

(d) Semenanjung Tanah Arab mempunyai tanah yang subur dan sesuai untuk pertanian.

(e) Antara binatang ternakan kaum Badwi ialah unta, biri-biri dan kambing.

(f) Dalam kalangan kaum Hadhari ada sesetengah daripada mereka keluar berdagang secara kafilah.